



The Buletin Rasmi MSWG Observer

JUMAAT | 28 FEBRUARI 2025

SELAMAT MENYAMBUT RAMADAN AL-MUBARAK 1446H

TUNGGU TANGGUH DAHULU



Pengumuman terkini Bina Puri menunjukkan bahawa syarikat itu tidak membuat pengumuman segera berhubung perkara penting sekurang-kurangnya dalam lima kejadian berasingan.

PENGUMUMAN BINA PURI MENGUNDANG PENELITIAN

Beberapa pengumuman terkini yang dibuat oleh syarikat pembinaan dan pembangunan hartanah yang tersenarai di Pasaran Utama, Bina Puri Holdings Bhd, mencadangkan bahawa syarikat itu gagal membuat pengumuman segera berhubung perkara penting dalam sekurang-kurangnya lima kejadian berbeza.

Menurut Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (Syarat Penyenaraian Pasaran Utama), sesebuah syarikat awam tersenarai (PLC) hendaklah mendedahkan sebarang “maklumat material” kepada umum dengan kadar segera.

Bagi yang kurang arif, “maklumat material” merujuk pada maklumat yang dijangka memberikan kesan ketara terhadap harga, nilai atau aktiviti pasaran saham sesebuah syarikat.

Secara umumnya, maklumat ini melibatkan perkembangan yang boleh memberi kesan kepada hala tuju perniagaan atau prestasi kewangan syarikat, seperti pemerolehan atau penjualan aset perniagaan, pertikaian undang-undang, perubahan dalam pengurusan utama atau apa-apa maklumat lain yang boleh mempengaruhi keputusan pelabur.

Kelewatan Membuat Pengumuman

Berikut adalah butiran lima kejadian yang menunjukkan kelewatan dalam pengumuman Bina Puri:

- 1. 26 November 2024:** Bina Puri mendedahkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Bina Puri Construction Sdn Bhd (BPCSB), telah menerima petisyen penggulungan daripada Toshiba Elevator (M) Sdn Bhd melalui peguamnya, Tetuan Simrenjeet, Tay & Co., pada 11 November 2024, iaitu dua minggu sebelum pengumuman dibuat.¹

Petisyen penggulungan ini difailkan ke atas Bina Puri Construction atas kegagalannya membayar balik hutang sebanyak RM974,724.74, mengikut notis tuntutan yang dikeluarkan oleh Pempetisyen.

Dalam pengumumannya, Bina Puri menyatakan bahawa mereka sedang **“mendapatkan nasihat perundangan berkaitan perkara tersebut”**, tetapi tidak menjelaskan sebab kelewatan membuat pengumuman.

Bina Puri juga menegaskan bahawa petisyen ini tidak akan memberi kesan material kepada prestasi kewangan atau operasi Kumpulan kerana jumlah yang terlibat hanya 1.1% daripada aset bersih Kumpulan.

¹https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3503218

2. **26 November 2024** - Pada hari yang sama, Bina Puri turut mendedahkan bahawa anak syarikat tidak langsungnya, Bina Puri Mining Sdn Bhd (BPMSB), juga telah menerima petisyen penggulangan 15 hari lebih awal, iaitu pada 11 November 2024, daripada Golden Hiapfatt Quarry & Premix (Sarawak) Sdn Bhd melalui peguamnya, Tetuan Lee Kok Heng & Co. ²

Petisyen penggulangan ini dibuat pada 9 Februari 2022 di Mahkamah Sesyen Kuching berikutan kegagalan BPMSB melunaskan bayaran sebanyak RM95,216.48, yang termasuk kadar faedah pembayaran lewat terakru sebanyak 5%.

Bina Puri mengakui kelewatan dalam pengumuman ini, tetapi menyatakan bahawa Lembaga Pengarah tidak mengumumkannya lebih awal kerana **“syarikat masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak Pempetisyen untuk menyelesaikan perkara ini secara baik”**.

3. **27 Januari 2025:** Bina Puri akhirnya mengeluarkan kenyataan mengenai saman yang difailkan oleh Wisma Majujaya Sdn Bhd (“Majujaya” atau “Plaintif”) selepas akhbar kewangan *The Edge* menerbitkan artikel bertajuk *“Bina Puri, its Director Tee Hock Seng Face RM28.1m Suit for Purportedly Failing to Pay Up Full Sum in JVA”* pada hari yang sama. ³

Menurut Bina Puri, syarikat yang terlibat iaitu anak syarikat milik penuhnya, Bina Puri Properties Sdn Bhd (BPPSB) serta pengarah Bina Puri, Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (secara kolektif dikenali sebagai “Defendan”), telah menerima Writ saman dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 16 Mei 2024 daripada peguam Plaintiff.

Saman ini difailkan oleh Plaintiff atas dakwaan bahawa Defendan gagal membayar Majujaya amaun berjumlah RM28.17 juta seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian Usahasama (*Joint Venture Agreement, JVA*) bertarikh 23 November 2017.

Namun, Bina Puri mendakwa bahawa kes ini tidak memberikan kesan kewangan dan operasi yang ketara ke atas BPPSB atau Syarikat bagi tahun kewangan 2025. Tambahan pula, Lembaga Pengarah percaya bahawa **“Bina Puri mempunyai peluang yang adil dan munasabah untuk memenangi kes ini”**.

4. **4 Februari 2025:** Merujuk pemfailan saman Majujaya v Bina Puri, Bina Puri mengakui bahawa mereka lewat mengumumkan saman oleh Majujaya kerana mereka **“sedang berbincang dengan pihak berkaitan untuk mencari penyelesaian terhadap tindakan undang-undang yang dimaksudkan”**.⁴

²https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3503217

³https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3519843

⁴https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3521259

Dalam pengumuman itu, syarikat turut memaklumkan bahawa Mahkamah telah mengeluarkan penghakiman terus terhadap syarikat dan BPPSB pada 3 Februari 2025. Justeru, Bina Puri dan defendan lain diperintahkan supaya membayar balik RM28.17 juta bersama-sama faedah 8% dalam masa 14 hari selepas penghakiman terus dikeluarkan. Syarikat telah mengarahkan peguamnya untuk memfailkan rayuan serta memohon penangguhan keputusan mahkamah.

5. **4 Februari 2025:** Dalam pengumuman yang dibuat secara berasingan, Bina Puri juga mengumumkan bahawa, pada 29 November 2024, iaitu kira-kira dua bulan sebelum itu, mereka telah menerima petisyen penggulangan bertarikh 25 November 2024 daripada Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank) melalui peguam Exim Bank iaitu Tetuan Amin Karlos.⁵

EXIM Bank memulakan petisyen penggulangan ke atas Bina Puri kerana kegagalannya membuat bayaran di bawah notis tuntutan untuk jumlah AS\$4.89 juta dan RM17,253.47. Menurut Bina Puri, **kelewatan dalam mengumumkan Petisyen ini adalah disebabkan oleh rundingan yang masih berjalan terhadap jumlah yang dipertikaikan.**

6. **6 Februari 2025:** Bina Puri mengumumkan bahawa mereka telah gagal membayar US\$7.645 juta pinjaman dalam denominasi US dolar dengan kadar ansuran awal sebanyak 4% kepada EXIM Bank sejak Mac 2024, kerana sedang menunggu penstrukturan semula pinjaman itu dimuktamadkan.⁶

Memandangkan Kumpulan sedang berbincang dengan EXIM Bank untuk menstruktur semula jumlah pinjaman, mereka telah menghentikan pembayaran balik buat sementara waktu, sementara menunggu pelan penstrukturan semula pinjaman ini dimuktamadkan. Kumpulan mendakwa kelewatan dalam mengumumkan keingkaran dalam pembayaran adalah disebabkan oleh **“Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pengumuman mengenai keingkaran dalam pembayaran ini adalah terlalu awal untuk diumumkan”.**

Petisyen Penggulangan, Saman dan Kegagalan Membuat Bayaran

Berdasarkan siri pengumuman di atas, jelas menunjukkan bahawa Bina Puri tidak membuat penzahiran yang tepat pada masanya. Ini termasuk tiga petisyen penggulangan, satu saman dan satu kes keingkaran pembayaran.

Syarikat sering memberikan alasan kelewatan berpunca daripada perbincangan, rundingan atau proses penyelesaian yang sedang berjalan. Namun, alasan ini tidak

⁵https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3521260

⁶https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3521694

memenuhi syarat-syarat yang jelas ditetapkan dalam Syarat Penyenaraian Pasaran Utama.

Kami berpendapat alasan yang diberikan juga kurang meyakinkan, terutamanya dalam kes saman RM28.1 juta oleh Majujaya. Berdasarkan kronologi, mengapa Bina Puri tidak menzahirkan maklumat ini daripada pengetahuan umum sejak menerima Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan pada 20 Mei 2024, menyebabkan kelewatan selama lapan bulan sebelum pendedahan dibuat menjadi tanda tanya.

Sebab sebenar kelewatan ini masih tidak jelas dan hanya diketahui oleh ahli Lembaga Pengarah. Namun, situasi ini memberikan gambaran bahawa Bina Puri hanya membuat pengumuman selepas mendapat tekanan daripada laporan media.

Bina Puri juga tidak bersikap telus terhadap tiga petisyen penggulungan yang difailkan terhadap Syarikat dan anak-anak syarikatnya. Mengikut Perenggan 9.19(19) Syarat Penyenaraian Pasaran Utama, PLC hendaklah segera mengumumkan apa-apa petisyen penggulungan terhadapnya, anak syarikatnya atau syarikat bersekutu utama, tanpa mengira sama ada⁷:

- Penggulungan tersebut memberikan kesan kewangan atau operasi kepada syarikat tersenarai;
- Syarikat tersenarai bercadang untuk mencabar petisyen penggulungan atau berpendapat bahawa petisyen itu tidak berasas; atau
- Syarikat tersenarai sedang berunding dengan pihak yang memfailkan petisyen untuk mencapai penyelesaian.

Selain itu, PLC juga diwajibkan untuk segera mengumumkan kepada Bursa Malaysia sekiranya berlaku keingkaran dalam pembayaran sama ada untuk faedah, jumlah prinsipal atau kedua-duanya sekali, yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan kredit atau sekuriti hutang oleh PLC berkenaan, anak syarikatnya atau syarikat bersekutu, tanpa mengira sama ada tuntutan telah dibuat, jika:

- jumlah keseluruhan kemudahan kredit atau sekuriti hutang yang masih belum dibayar, sama ada secara individu atau secara kolektif, mencapai 5% atau lebih daripada aset bersih PLC berdasarkan penyata kewangan terkini, yang diterbitkan atau diumumkan; atau
- keingkaran pembayaran tersebut dijangka memberikan kesan yang ketara terhadap harga, nilai atau aktiviti pasaran sekuriti PLC berkenaan, atau mempengaruhi keputusan atau tindakan pemegang saham atau pelabur saham PLC tersebut.

⁷ Halaman 9-6 dan 9-7, Soalan dan Jawapan berhubung Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (setakat 31 Disember 2024), diakses melalui https://www.bursamalaysia.com/sites/5d809dcf39fba22790cad230/assets/67738df0cd34aaedf427dc6b/QA_MainChap9_SRF_NewIssue_ESOS_31Dec2024_.pdf

Pada 30 Jun 2024, aset bersih Bina Puri berjumlah RM87.22 juta. Sementara itu, jumlah yang dituntut oleh EXIM Bank dalam petisyen bertarikh 25 November 2024 adalah sebanyak AS\$4.895 juta, bersamaan dengan RM21.646 juta berdasarkan kadar pertukaran AS\$1: RM4.422.

Ketepatan Masa, Ketelusan dan Akauntabiliti

Masih belum dipastikan sama ada Bina Puri telah melanggar Syarat Penyenaraian Pasaran Utama kerana perkara ini hanya boleh ditentukan melalui siasatan oleh pihak berkuasa. Namun, dalam era digital yang serba pantas, maklumat sudah boleh diakses dengan mudah, ketepatan masa dan ketelusan dalam pendedahan korporat adalah lebih penting berbanding sebelum ini.

Jika diimbaz kembali, Bursa Malaysia baru-baru ini telah memberikan amaran dan mengenakan denda kepada Waja Konsortium Berhad⁸, IQZAN Holdings Berhad⁹ (telah dinyahsenarai pada 30 Julai 2024) berserta tujuh pengarah mereka atas pelbagai pelanggaran, termasuk kegagalan membuat pengumuman segera tentang keadaan kewangan syarikat serta pemindahan saham sebuah anak syarikat milik penuh kepada dua pembeli.

Dua pengarah Waja Konsortium telah dikenakan denda sebanyak RM100,000 setiap seorang, manakala lima pengarah IQZAN dikenakan denda dengan jumlah keseluruhan antara RM300,000 hingga RM375,000.

Sekali lagi, MSWG ingin menegaskan bahawa syarikat tersenarai dan para pengarahnya perlu berpegang teguh pada prinsip pendedahan maklumat awam yang penuh, adil dan tepat pada masanya. Perkara ini amat penting bagi memastikan pasaran yang teratur dan saksama serta membolehkan para pelabur membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

[TAMAT]

⁸ Bursa Malaysia Securities Publicly Reprimands and/or Fines Waja Konsortium Berhad and Two (2) Directors, diakses melalui:
https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/67af09eee6414a4e41f9daf3/files/140225_MEDIA_NOTIFICATION_BURSA_MALAYSIA_SECURITIES_PUBLICLY_REPRIMANDS_AND_OR_FINES_WAJA_KONSORTIUM_BERHAD_AND_TWO_2_DIRECTORS.pdf?1739524877

⁹ Bursa Malaysia Securities Publicly Reprimands and/or Fines Iqzan Holding Berhad And Five (5) Directors, diakses melalui:
https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/67af0ac8e6414a4e2cf9db5e/files/140225_MEDIA_NOTIFICATION_BURSA_MALAYSIA_SECURITIES_PUBLICLY_REPRIMANDS_AND_OR_FINES_IQZAN_HOLDING_BERHAD_AND_FIVE_5_DIRECTORS.pdf?1739524872

SOROTAN PENTING MSWG

Memastikan Ketelusan dan Tadbir Urus yang Baik: Libat Urus MSWG bersama dengan Maybank

Pada minggu lepas, MSWG menyuarakan kebimbangannya terhadap pemecatan bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Malayan Banking Berhad (Maybank), Puan Khalijah Ismail dan menggesa pihak Bank supaya memberikan penjelasan yang lebih telus bagi mengelakkan spekulasi. (Baca ulasan kami di sini:

[https://www.nst.com.my/business/2025/02/1177453/termination-cfo-maybank-urged-provide-comprehensive-explanation-bttv\)](https://www.nst.com.my/business/2025/02/1177453/termination-cfo-maybank-urged-provide-comprehensive-explanation-bttv)

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Dr. Ismet Yusoff, telah bertemu dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Maybank, Dato' Khairussaleh Ramli, bagi mendapatkan penjelasan lanjut tentang perkara ini.

Maybank memberikan jaminan kepada MSWG bahawa pemecatan itu dibuat selepas satu siasatan dalaman dijalankan mengikut proses sewajarnya dan rangka kerja tadbir urus Bank tersebut. Siasatan itu berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap keperluan dalaman, dan Puan Khalijah telah diberikan peluang untuk membela diri. Bank turut mengesahkan bahawa tiada insiden pemalsuan akaun, tiada kerugian kewangan yang dialami dan insiden ini adalah kes terpencil yang tidak berpunca daripada susulan tindakan mana-mana agensi penguatkuasaan luar.


MSWG menghargai kesediaan Maybank untuk memberikan maklum balas dengan segera serta penegasan terhadap amalan tadbir urus yang kukuh. Ketelusan dalam perkara sebegini amat penting bagi mengekalkan kepercayaan pemegang saham dan orang awam. MSWG akan terus memperjuangkan pendedahan maklumat yang jelas dan tepat pada masanya bagi memastikan keyakinan pasaran terus terpelihara.

BUSINESS

Termination of CFO: Maybank urged to provide comprehensive explanation [BTTV]

By Alzahrin Alias

February 19, 2025 @ 10:09pm



KUALA LUMPUR: The immediate termination of the group chief financial officer (CFO) of Malayan Banking



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempukan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.